

2

KAJIAN PERSURATAN

2.1 Kepentingan Industri Penerbitan Buku

Pendapat ramai tokoh perbukuan dunia bahawa pembangunan negara selari dengan tahap industri perbukuan sesebuah negara boleh dipertahankan. Kemajuan industri perbukuan sememangnya mempunyai hubungan yang rapat dengan kemajuan sesebuah negara. Ini terbukti apabila lima buah negara yang menghasilkan jumlah judul buku yang paling besar dan diiktiraf sebagai negara yang maju industri perbukuan, iaitu Amerika Syarikat, Jerman, Jepun, Britain dan Perancis, juga merupakan negara-negara yang maju dari segi ekonomi. Shigeo Minowa pernah mengatakan bahawa "kemajuan penerbitan sesebuah negara menjadi indeks terhadap kemajuan ekonominya" (Hamed 1997).

Sejarah kebudayaan dan tamadun manusia membuktikan bahawa tanpa kegiatan perbukuan yang aktif, kemajuan sesebuah masyarakat itu tidak akan berkekalan. Sebaliknya, jika ada kegiatan pendokumentasian sejarah dan penyebaran maklumat yang aktif antara lainnya melalui proses pembukuan yang mantap, maka pengaruh tamadun masyarakat itu akan berpanjangan.

Hassan Ahmad (1999) mengatakan kegiatan penerbitan buku bukan semata-mata merupakan kegiatan komersial, tetapi apa yang lebih penting, kegiatan ini melibatkan proses dan tanggungjawab budaya, ilmu dan intelektual. Buku adalah sebagai wahana ilmu dan ketamadunan sesuatu bangsa dan negara. Buku juga merupakan indeks atau petunjuk bagi kemajuan manusia dan negara.

Menurut Hassan Ahmad lagi, perbezaan antara negara yang maju dari segi ilmu, budaya, teknologi, dan lain-lain dengan negara tidak maju atau sedang membangun ialah di negara maju wujud keadaan atau faktor-faktor yang dapat merangsang pertumbuhan dan perkembangan perusahaan buku yang maju, dengan:

- kadar kenal huruf (literasi) di kalangan rakyatnya tinggi, melebihi 85%,
- minat membaca di kalangan rakyatnya rata-rata tinggi,
- daya beli di kalangan masyarakat pembeli buku adalah baik, disebabkan ekonomi negara tersebut maju,
- mutu profesionalisme pengeluaran dan penerbitan buku tinggi,
- taraf dan profesionalisme dalam bidang penerbitan tinggi, iaitu tenaga manusia yang terlibat dalam dunia penerbitan seperti penulis, penterjemah, editor, pengurus penerbitan, penjual buku dan lain-lain mempunyai kebolehan profesional, intelektual dan budaya yang tinggi dan bermutu,
- sistem dan falsafah pendidikannya menggalakkan pemikiran kreatif,
- kesedaran terhadap pentingnya ilmu sebagai sumber kemajuan dan 'kuasa' manusia di negara itu tinggi, dan
- adanya badan-badan profesional yang mempertahankan mutu perusahaan buku.

Sebaliknya, di negara kurang maju dan sedang membangun, biasanya terdapat keadaan atau faktor-faktor yang menyebabkan perusahaan bukunya tidak maju, iaitu:

- kadar kenal huruf rendah,
- minat membaca di kalangan rakyat rendah,
- kesedaran tentang pentingnya ilmu sebagai alat kemajuan manusia dan negara agak rendah atau masih belum tinggi,
- sistem pendidikannya tidak berjaya mendidik manusia supaya mencintai ilmu dan buku sepanjang hayat,
- kekurangan tenaga pakar dan profesional dalam bidang penulisan, penyuntingan, penterjemahan, pengurusan penerbitan, dan lain-lain,
- daya beli di kalangan rakyat tidak kuat, kerana ekonomi belum maju, dan ketiadaan badan profesional untuk memajukan dan mempertahankan mutu dan etika penerbitan.

Bagi Greco (1997) pula, buku adalah objek kebudayaan, cara bagi sesuatu pengetahuan itu disampaikan daripada pengarang kepada pembaca, daripada satu generasi kepada generasi berikutnya. Perbalahan pendapat tentang dua isu 'falsafah', iaitu sama ada penerbitan buku merupakan usaha kebudayaan dan intelektual semata-mata atau pada hakikatnya suatu perniagaan, telah memecahbelahkan komuniti buku di Amerika Syarikat selama lebih daripada 300 tahun.

Terdapat dua isu falsafah dalam penerbitan buku. Adakah penerbitan buku suatu usaha intelektual dan kebudayaan atau semata-mata suatu perniagaan? Menurut *Cultural-Mission Theory*, masyarakat mempunyai

tanggungjawab, dan selalunya wajib, untuk memastikan buku diterbitkan dan disebar. Buku dan maklumat mestilah tersedia kepada semua orang menerusi saluran-saluran pengedaran yang ada (Greco 1997). Menurut teori ini lagi, penerbit dan editor adalah pengawal kepada apa yang diterbitkan manakala penulis mempunyai peranan yang mulia dan haruslah bebas daripada kekangan dunia perniagaan.

Woll (1999) pula berpendapat bahawa intipati kepada proses penerbitan buku adalah untuk menghasilkan keuntungan melalui penyebaran maklumat. Manakala Hamed (2002) pula memulakan karyanya dengan mengatakan "Penerbitan buku bukanlah semata-mata suatu usaha bersifat ekonomi. Meskipun soal ekonomi masih menjadi dasar yang penting dan tidak wajar disisihkan, namun dalam konteks negara membangun seperti Malaysia, yang lebih penting daripada ekonomi ialah manfaat atau kesan yang terhasil daripada usaha penerbitan itu. Seandainya soal-soal berhubung ekonomi harus diberi perkiraan utama, maka selamanyalah usaha penerbitan, apatah lagi dalam bahasa Melayu, tidak akan berkembang. Justeru, dalam penerbitan, penerbit mungkin mengalami kerugian untuk buku-buku tertentu, tetapi kerugian material itu dapat diimbangi manfaatnya dari segi budaya yang akhirnya menyumbang kepada pembinaan tamadun bangsa".

Walaupun diakui bahawa penerbitan buku adalah suatu usaha budaya dan intelektual, namun hakikatnya penerbitan adalah suatu perniagaan yang

mestilah menguntungkan. Itulah antara sebab mengapa sebahagian besar industri penerbitan buku di Malaysia tertumpu kepada penerbitan buku sekolah, merangkumi buku teks dan bukan buku teks.

Institusi penerbitan boleh jadi dimonopoli oleh kerajaan, sepertimana yang berlaku di negara-negara sosialis-komunis. Di bahagian-bahagian lain dunia, terutamanya di negara-negara sedang membangun, industri penerbitan merupakan campuran usaha kerajaan, institusi komersil, serta institusi swasta bukan bertujuan mencari keuntungan.

Di negara-negara sosialis-komunis, semua aktiviti penerbitan bersifat politikal, yakni dikawal atur dan untuk kegunaan negara; sebaliknya kebanyakan penerbitan buku oleh penerbit-penerbit komersil tidak bersifat politikal dan pada sebahagian besarnya dipengaruhi oleh faktor-faktor pasaran. Dalam kebanyakan hal undang-undang mereka tidak membezakan antara penerbitan akhbar yang cenderung kepada politik, dan dengan itu mungkin dikenakan pelbagai kawalan, dengan penerbitan buku umum dan komersil, yang jarang-jarang sekali membawa kesan politikal yang sama (Neumann 1980).

Di Malaysia, identiti penerbit buku agak berkecamuk. Ada penerbit yang menjadi pengedar, pembekal perpustakaan dan penjual buku, begitu juga sebaliknya. Dari satu sudut ini memperlihatkan kesungguhan para pemain dalam industri ini untuk mewujudkan operasi bersepadu bawah satu bumbung yang

boleh membawa kepada penjimatan kos dan tenaga manusia. Akan tetapi jika diperhalusi, keadaan ini juga wujud kerana ketiadaan persefahaman dan amalan niaga yang telus dan adil antara pihak-pihak terlibat menyebabkan satu pihak terpaksa 'menceroboh' ke dalam bidang berkaitannya bagi memastikan usaha primernya tidak terjejas.

Keadaan ini juga menunjukkan ketiadaan profesionalisme dalam industri penerbitan, termasuk penerbitan buku sekolah, dan keadaan ini kurang berlaku di negara-negara yang maju dalam penerbitan, seperti di negara-negara Barat. Memetik kata-kata Hasrom Harun dalam MABOPA, Penerbitan Buku dan Peranan Penerbit (1994), "Industri perbukuan dapatlah ditakrif sebagai sebuah industri yang terhimpit dan belum mapan. Kegiatannya masih diselubungi dengan cara yang tak profesional dan tidak berpiawai".

Di seluruh dunia pula, jika dilihat dari segi jualan, pelaburan modal dan penggajian, penerbitan merupakan suatu industri yang kecil jika dibandingkan dengan industri-industri lain. Contohnya, jumlah jualan sebanyak \$4.6 bilion oleh penerbit-penerbit di Amerika Syarikat pada tahun 1977 mungkin lebih kurang sama dengan angka jualan syarikat ke-42 terbesar di Amerika Syarikat, ataupun lebih mengejutkan lagi, sama dengan keuntungan tahunan General Motors pada suatu tahun yang prestasinya baik (Neumann 1980).

2.2 Penerbitan Buku-Buku Sekolah

Terdapat banyak jenis aktiviti penerbitan, seperti penerbitan akhbar, majalah, jurnal ilmiah dan umum, dan pelbagai kategori dalam penerbitan buku. Buku boleh dibahagikan kepada pelbagai kategori mengikut pelbagai keperluan. Di Malaysia, secara umumnya buku boleh dibahagikan kepada buku umum, buku sekolah (buku teks dan bukan buku teks), buku ilmiah, buku agama dan buku kanak-kanak. Sesebuah penerbit mungkin berkecimpung dalam satu, lebih daripada satu atau kesemua kategori ini. Kategori-kategori penerbitan ini mempunyai beberapa ciri umum, tetapi pada masa yang sama mungkin berbeza dari segi jualan, promosi dan pengedaran yang dijalankan, dari segi pelaburan yang diperlukan, malah dari segi peranan yang dimainkan oleh pengarang dan editor.

Di negara-negara maju, pembahagian kategori buku lebih terperinci dan terdapat beberapa kategori yang lebih khusus. Neumann membahagikan kategori penerbitan buku di Amerika Syarikat kepada bahagian-bahagian berikut:

- Buku umum untuk dewasa (kulit keras dan kulit lembut)
- Buku umum untuk remaja
- Buku agama
- Buku profesional
- Buku ilmiah
- Rujukan berlanggan (ensiklopedia)
- *Mass market paperbound*
- Buku khusus untuk Kelab Buku
- Buku khusus untuk pesanan melalui pos
- Buku sekolah (rendah dan menengah)
- Buku kolej

Dalam sejarah perkembangan industri penerbitan tanah air, selepas negara mencapai kemerdekaan terdapat dua faktor penting yang merangsang perkembangan penulisan dan penerbitan buku dalam bahasa Malaysia. Pertama, terbentuknya Dasar Pendidikan Kebangsaan yang menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama di semua sekolah kebangsaan mulai tahun 1957 dan kedua, penglibatan badan kerajaan itu Dewan Bahasa dan Pustaka dalam penerbitan. Faktor pertama juga menyaksikan penubuhan banyak syarikat penerbitan bumiputera bagi mengambil peluang menghasilkan buku teks dalam bahasa Malaysia. Oleh itu, sejak tahun 1980 jumlah pengeluaran buku di Malaysia telah bertambah, tetapi pertambahan ini kebanyakannya buku teks sekolah rendah dan menengah (Zuriah, Rosenah 1999).

Menurut Mansoor Marican (1997), antara ciri utama industri penerbitan buku di Malaysia ialah sebahagian besarnya bertumpu kepada pasaran domestik, dengan buku teks, buku rujukan, dan buku panduan peperiksaan membentuk segmen terbesar penerbitan (hampir 70% daripada naskhah yang dicetak). Jumlah cetakan bagi buku sekolah adalah di antara 7,000 hingga 100,000 naskhah bagi setiap judul. Ini peratusan yang kecil jika dibandingkan dengan jumlah pelajar sekolah dari Tahun 1 ke Tingkatan 5 pada tahun 2001 yang berjumlah hampir 5 juta orang.

Dalam kategori bukan buku sekolah pula, penerbitan buku kanak-kanak adalah yang terbesar dengan jumlah cetakan pertama setiap judul antara 5,000 hingga 10,000 naskhah. Jumlah cetakan awal bagi buku umum pula adalah antara 1,000 hingga 3,000 naskhah bagi setiap judul.

Jumlah cetakan pertama bagi buku sekolah bukan buku teks biasanya sekitar 5,000 hingga 30,000 naskhah, dan bagi mata-mata pelajaran teras jumlah cetakan boleh mencecah 150,000 naskhah atau lebih. Bandingkan dengan jumlah cetakan buku kanak-kanak sekitar 5,000 hingga 10,000 dan bagi buku umum (termasuk novel dan bacaan) yang hanya sekitar 1,000 hingga 3,000 naskhah. Jumlah cetakan ini membayangkan anggaran saiz pasaran yang wujud bagi setiap segmen, dan juga mempunyai kaitan langsung dengan penentuan harga buku.

Jumlah cetakan yang kecil juga menyebabkan kos per unit tinggi dan kos per unit yang tinggi menyebabkan buku terpaksa dijual pada harga yang lebih tinggi bagi mendapatkan margin keuntungan yang selesa. Harga buku yang tinggi seterusnya akan menyebabkan bilangan pembeli berkurangan.

Mohd Ariffin Siri (1996) juga menegaskan bahawa di Malaysia, buku rujukan tambahan merupakan suatu keperluan selain buku teks dan kebanyakannya dikeluarkan pada hujung tahun. Di negara kita penerbitan dan pengedaran buku teks adalah terkawal. Di Britain kegiatannya lebih bebas dan

pelbagai manakala di satu ekstrem yang lain, contohnya di Kesatuan Soviet, sangat terkongkong kepada satu bentuk sahaja yang ditentukan oleh kerajaan.

Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) yang dimulakan pada tahun 1975 merupakan program bantuan buku teks untuk pelajar-pelajar daripada keluarga yang kurang mampu (pendapatan ibu bapa kurang daripada RM1500 sebulan). Ini memandangkan peri pentingnya buku teks dalam pendidikan. Agensi yang dipertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan program SPBT di semua sekolah kerajaan ialah Bahagian Buku Teks (BBT) bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Dengan terlaksananya program ini, peratus keciciran pelajar dalam pelajaran telah dapat dikurangkan (Mariani 2000).

Pada tahun 2000, seramai 81.64% pelajar di seluruh negara menikmati faedah daripada program SPBT. Sebanyak 92 penerbit terlibat dengan pembekalan bagi 601 judul buku teks untuk kegunaan 9149 buah sekolah di seluruh negara (Mariani, 2001). Bagi pelajar yang tidak layak mendapat SPBT, BBT meminta pihak sekolah membantu memastikan buku-buku ini terdapat di kedai buku sekolah atau koperasi sekolah. Penerbit juga diminta memastikan buku-buku teks ini berada di pasaran terbuka.

Di Filipina, buku teks merupakan teras bagi industri penerbitan di negara itu kerana Filipina mempunyai salah sebuah sistem sekolah yang terbesar di dunia.

Kira-kira 70% daripada buku yang diterbitkan di Filipina adalah buku teks (Pacheco, 1997).

Di Indonesia, terdapat 597 syarikat penerbitan dan sebanyak 510 (85.43%) buah menjadi ahli Persatuan Penerbitan Buku Indonesia (IKAPI). Sebanyak 40% daripada ahli IKAPI hanya menerbitkan buku sekolah, 20% hanya menerbitkan buku kanak-kanak, dan 10% menerbitkan kedua-dua buku sekolah dan buku kanak-kanak. Baki 30% lagi menerbitkan pelbagai jenis buku umum untuk orang dewasa (Sitepu 1997).

Data IKAPI pada tahun 1989 menunjukkan bahawa 65% daripada ahli-ahlinya menganggap mereka sebagai penerbit pendidikan, 15% mengklasifikasikan diri sebagai penerbit buku agama, 15% sebagai penerbit universiti, dan 5% sebagai penerbit kategori-kategori lain. Oleh sebab jumlah cetakan buku sekolah di Indonesia jauh melebihi jumlah cetakan bagi buku daripada kategori-kategori lain, maka jelas bahawa industri penerbitan buku di Indonesia juga amat bertumpu kepada penerbitan buku-buku sekolah.

Arselan Harahap (2000) mengatakan oleh sebab perniagaan buku pelajaran mempunyai potensi yang paling besar dengan saiz pasaran puluhan juta pelajar sekolah, maka lebih kurang 45% penerbit anggota IKAPI adalah penerbit buku pelajaran dan lainnya (55%) berusaha sebagai penerbit buku umum, buku ilmiah, buku anak dan remaja serta buku agama.

Di Singapura, hanya terdapat satu silabus rasmi bagi mana-mana mata pelajaran dan setiap sekolah mesti menggunakannya. Pemilihan buku teks berkait rapat dengan silabus yang telah diperakukan, dan Kementerian Pendidikan melaksanakan suatu sistem buku teks yang disarankan. Sekolah biasanya tidak akan menggunakan bahan yang tidak disenaraikan, dan ini mengurangkan insentif untuk menerbitkan bahan-bahan kursus alternatif. Bahan-bahan penilaian dan tambahan tidak termasuk dalam senarai tetapi merupakan pasaran yang berkembang pesat, lebih-lebih lagi kerana ibu bapa beria-ia mahukan pencapaian akademik yang tinggi bagi anak-anak mereka (Gopinathan, 1997).

Temubual dengan Chua Hong Koon yang pernah bertugas sebagai Pengurus Penerbitan di PanPac Publications (S) mengesahkan perkara ini. Menurut beliau, walaupun bilangan pelajar di Singapura jauh lebih kecil daripada bilangan pelajar di Malaysia, namun pasaran buku-buku sekolah di Singapura baik kerana sikap *kiasu* (tak mahu kalah) ibu bapa di Singapura menyebabkan mereka membeli lebih daripada sebuah buku rujukan tambahan (selain buku teks) bagi setiap mata pelajaran untuk anak-anak mereka.

Bagi tujuan mengeratkan ikatan sosial dan politik, kerajaan Singapura mengadakan keperluan kurikulum, silabus dan peperiksaan yang serupa bagi semua sekolah. Seperkara lagi yang relevan kepada industri penerbitan buku di republik itu ialah hakikat bahawa pembentukan polisi, pelaksanaan garis

panduan dan sebagainya datang daripada satu sumber sahaja, iaitu Kementerian Pendidikan.

Di Amerika Syarikat, jumlah jualan buku pada tahun 1977 ialah sebanyak \$4.6 bilion. Daripada jumlah ini 54% (\$2,500 juta) adalah daripada kategori pendidikan (Neumann 1980).

Unwin (1946) mengakui ciri yang paling memuaskan bagi mana-mana aktiviti penerbitan ialah segmen pendidikan yang baik, kerana jika senarai ini mengandungi banyak buku yang "diperaku", maka buku-buku ini akan terus terjual tidak kira bagaimana perniagaan itu dijalankan. Banyak syarikat penerbitan yang kewujudannya semata-mata bergantung kepada senarai buku-buku pendidikannya.

Buku sekolah, meliputi buku teks, buku rujukan, buku kerja, buku panduan peperiksaan dan buku-buku tambahan merupakan buku yang ditulis untuk kegunaan pelajar sama ada di dalam kelas atau untuk digunakan secara bersendirian di rumah. Buku sekolah adalah buku yang ditulis berdasarkan sukatan pelajaran yang dirangka berdasarkan kurikulum mata pelajaran berkenaan. Pada ketika kajian ini dijalankan, buku-buku sekolah di Malaysia adalah berpengantarkan bahasa Malaysia kecuali bagi mata-mata pelajaran bahasa ibunda.

Kurikulum ditakrifkan sebagai 'suatu pengalaman belajar yang terancang ke arah mencapai hasrat penghasilan pembelajaran yang ditentukan (Tanner & Tanner 1975). Menurut Akta Pendidikan 1996, kurikulum ditakrifkan sebagai "suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menawan dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan". Kurikulum adalah pengalaman pembelajaran yang dirancang untuk memenuhi hasrat dan aspirasi yang telah ditetapkan.

Perubahan kurikulum akan berlaku secara berterusan, pertamanya hasil daripada laporan daripada badan-badan yang berkaitan, hasil teknologi baru dan kerana sistem pendidikan mestilah mengikut perkembangan semasa.

Dalam konteks ini penerbitan buku sekolah perlu seiring dengan kehendak kurikulum agar dapat memenuhi kehendak guru dan pelajar. Buku sekolah atau buku teks dapat menterjemahkan kehendak kurikulum supaya dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan yang seterusnya menarik minat para pelajar untuk meneroka ilmu pengetahuan pada masa depan.

Akan tetapi, sehubungan dengan penerbitan buku sekolah, terdapat hambatan yang perlu diatasi. Pertama, kerja datang secara bermusim dan pesanan juga diterima secara bermusim. Pada masa ini kakitangan menjadi terlalu sibuk, manakala beberapa minggu kemudian tidak banyak kerja yang hendak dibuat. Kemudian, setelah sesuatu buku itu diterbitkan dan semuanya kelihatan beres, buku tersebut mungkin tidak diterima penggunaannya di sekolah, sedangkan margin keuntungan bagi buku-buku pendidikan yang baru adalah terlalu sedikit untuk menampung terlalu banyak kegagalan.

Oleh itu Wace (1968) berpendapat penerbit pendidikan haruslah sentiasa mengambil tahu tentang perkembangan dalam teknik dan kaedah, serta kandungan pendidikan. Jika dia dapat melakukan begitu, maka dia akan dapat menjalankan peranannya dengan berkesan, iaitu menyediakan alat-alat pendidikan yang diperlukan oleh guru.

Gopinathan (1983) menyatakan buku teks yang baik boleh meningkatkan kualiti pendidikan walaupun kemahiran guru kurang. Di negara-negara membangun yang memiliki industri penerbitan yang sangat kompetitif (contohnya Amerika dan Britain) sistem sekolah mempunyai pilihan bahan pengajaran yang sangat luas. Pada peringkat sekolah rendah dan menengah, kerajaan biasanya menyediakan buku teks percuma dan pinjaman pendidikan dengan menggunakan wang awam. Guru-guru pula mempunyai masa untuk

menyediakan program pengajaran dan pembelajaran sendiri sebagai bahan tambahan (Neumann 1980)

Menurut Neumann (1980) lagi, buku-buku sekolah cuma merupakan langkah pertama ke arah kebebasan intelektual dan literasi; ia mestilah ditampung, diperkuat, dan diperluas dengan pelbagai jenis bahan bacaan tentang semua bidang, dan ini hanya boleh diberikan oleh sebuah industri penerbitan yang telah berkembang maju.

Dalam kata-kata Unwin (1968), buku-buku sekolah merupakan perniagaan yang menguntungkan kerana buku sekolah biasanya dibeli secara pukal dan hasil jualannya biasanya jauh lebih banyak daripada jenis-jenis buku yang lain. Tambahan pula, sekiranya sesebuah buku itu telah dipilih untuk digunakan dalam bilik darjah, maka buku itu laris tanpa perlukan usaha jualan yang banyak. Penerbit yang memiliki banyak buku sedemikian sudah tentu amat gembira.

Mohd Salleh (1993) mendapati ramai guru dan pelajar tidak bergantung kepada buku teks sahaja, malahan perlu membuat rujukan daripada buku-buku lain, seperti buku kerja, terutama dalam membuat persediaan untuk peperiksaan awam PMR, SPM atau STPM. Pembinaan soalan di peringkat sekolah yang disediakan oleh guru pula kurang menggunakan buku teks kerana mereka boleh mendapatkannya dalam buku ulang kaji yang banyak di pasaran (Wan Ilias 1997). Di dalam buku-buku ini banyak soalan yang boleh dipasang menjadi

kertas soalan ujian atau peperiksaan. Kajian Wan Ilias juga mendapati bahawa 97.5% guru menggunakan buku ulang kaji dan 79.4% menyatakan mereka menggunakan buku teks untuk tujuan penyediaan kertas soalan.

Menurut Wan Ilias (2000) penggunaan buku ulang kaji peperiksaan boleh menyebabkan objek pengajaran dan pembelajaran seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia tidak dapat dicapai. Penggunaan buku ulang kaji lebih merupakan menyediakan bahan kepada pelajar untuk tujuan peperiksaan. Namun begitu, kita tidak sepatutnya menyalahkan pelajar atau guru atas perkara ini. Tuntutan masyarakat dan pentadbir sekolah memberi tekanan kepada guru dan pelajar untuk beralih kepada bahan-bahan yang boleh memberi mereka lebih "banyak" fakta atau perkara untuk diingati dan dihafal dengan menggunakan buku teks yang dianggap begitu umum sifat bahan di dalamnya.

Kajian Abd. Majid et. al. (1999) mendapati guru Tingkatan 3 dan 5 KBSM menyatakan bahawa buku kerja merupakan bahan paling berguna untuk pengajaran manakala buku SPBT (buku teks) merupakan bahan kedua paling berguna untuk pembelajaran pelajar.

Kesemua dapatan ini menunjukkan buku kerja dan buku ulang kaji merupakan bahan paling berguna untuk pelajar mengulang kaji dan tidak hairanlah jika ia merupakan segmen pasaran buku yang terbesar di Malaysia. Buku teks menjadi asas yang kuat bagi penerbit menerbitkan buku-buku sekolah

yang lain, manakala buku-buku sekolah pula menjadi asas yang kuat bagi penerbit menerbitkan jenis-jenis buku yang lain.

Setiap awal sesi persekolahan, ibu bapa sering mempersoalkan setakat mana buku-buku opsyenal yang tersenarai digunakan oleh guru-guru di samping buku-buku teks yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan (Rujuk Lampiran 1). Bagi ibu bapa pelajar yang tidak layak mendapat bantuan SPBT, kos membeli buku-buku teks dan buku-buku opsyenal menjadi suatu bebanan pada setiap awal sesi persekolahan terutama bagi keluarga yang mempunyai ramai anak yang bersekolah. Buku-buku opsyenal akan menjadi seolah-olah 'wajib' jika sekiranya ibu bapa atau pelajar-pelajar mendapati guru tidak menggunakan buku teks, sebaliknya menggunakan buku-buku opsyenal untuk rujukan semasa pengajaran di bilik darjah, terutama bagi kelas-kelas peperiksaan.

Teliti kata-kata A. Aziz Deraman (1995) ini: "Kemalapan industri buku kita dipengaruhi oleh dua faktor cahaya, pertama kecenderungan kerabat buku untuk bertumpu pada cahaya yang lebih bergemerlapan dalam penerbitan, dan di sebelah pihak lagi cahaya kegelapan yang tidak dipedulikan. Kerabat buku berkecenderungan mengaut untung semata, industri buku tetap jauh terkebelakang". Tidak sukar untuk mengenal pasti cahaya-cahaya yang dimaksudkan oleh A. Aziz Deraman itu.